

# Kerajaan teliti wujud jawatan timbalan menteri

UM- 7/12/2022 m/s: 4

**PUTRAJAYA:** Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim masih dalam proses penelitian senarai calon timbalan menteri yang bakal mengisi pelbagai portfolio dalam Kabinet.

Perkembangan tersebut dimaklumkan Menteri Ekonomi yang juga Timbalan Presiden Parti Keadilan Rakyat (PKR), Rafizi Ramli apabila ditanya mengenai isu ketiadaan timbalan menteri ketika ini.

“Saya difahamkan semalam memang telah ada perbincangan berhubung perkara ini dan proses penelitian senarai nama masih berjalan sepanjang minggu ini,” katanya selepas merasmikan Persidangan ‘Kick-Off’ Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-12 anjuran Unit Perancang Ekonomi di sini.

Menurutnya, Anwar sudah meminta semua parti dalam pembentukan kerajaan perpa-

duan agar menyenaraikan nama calon yang layak bagi dipertimbangkan.

“Insya-Allah, saya menjangkakan proses semakan latar belakang calon dan portfolio yang bakal diletakkan mungkin ada sedikit masa lagi antara satu atau dua minggu. Kelewatan berkenaan memang tidak dapat dielakkan kerana proses kali ini agak teliti dengan mengambil kira pelbagai parti ada dalam ga-

bungan kerajaan sekarang.

“Bilangan mereka yang layak dimasukkan itu pula adalah bergantung kepada nilai faktor ‘sumbangan’ daripada parti tersebut kepada pembentukan kerajaan sedia ada,” katanya.

Beliau bagaimanapun enggan mendedahkan sebarang butiran terperinci kerana tiada apa-apa maklumat lengkap termasuk kemungkinan ada lagi pelantikan Senator yang baharu.